

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 29.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada buku teks import akan terus digunakan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Adakah Kementerian berhasrat untuk menggantikan buku teks bagi setiap tahun dan tingkatan dengan buku teks import.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan buku teks Bahasa Inggeris yang diperoleh melalui pasaran terbuka merupakan langkah interim. Melalui pelaksanaan kurikulum Bahasa Inggeris sejajar dengan standard *Common European Framework of Reference* (CEFR) dan latihan bina upaya yang berterusan melibatkan kurikulum, pentaksiran, latihan guru dan bahan pengajaran dan pembelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia berkeyakinan akan mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menghasilkan buku teks yang menepati piawaian CEFR.